

30 APR 1999

Umno-Penggiliran

WANITA UMNO PAPAR MAHU PENGGILIRAN KETUA MENTERI DIMANSUHKAN

PAPAR, 30 April (Bernama) -- Pergerakan wanita Umno bahagian Papar akan membentangkan usul dalam mesyuarat peringkat bahagian itu supaya sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah dimansuhkan, kata Ketua Wanita Umno Negeri Datuk Norjan Khan Bahadar.

Beliau yang mempengerusikan mesyuarat pergerakan wanita Umno bahagian di Pengalat Besar, di sini, semalam berkata, kesemua 265 perwakilan wanita Umno bahagian itu telah menyatakan persetujuan untuk menyokong usul berkenaan.

Mesyuarat peringkat bahagian itu akan diadakan pada 9 Mei depan di Dewan Datuk Salleh Sulong, dekat sini.

Difahamkan pergerakan wanita Umno di seluruh negeri akan turut membentangkan usul serupa pada mesyuarat bahagian masing-masing.

"Kita berpendapat pemilihan Ketua Menteri hendaklah berdasarkan jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti-parti komponen Barisan Nasional (BN)," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Norjan yang juga Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan Negeri berkata dengan termansuhnya sistem penggiliran Ketua Menteri kelak, kerajaan BN dapat menumpukan perhatian kepada pelaksanaan program pembangunan dengan lebih berkesan melalui seorang pemimpin.

Sistem itu dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum pilihan raya negeri pada Februari 1994, bagi memberi peluang kepada pemimpin tiga kaum utama di Sabah - Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera Bukan Islam, untuk menerajui kerajaan negeri untuk tempoh dua tahun.

Sistem ini dimulakan oleh Umno dengan pelantikan Tan Sri Sakaran Dandai (sekarang Tun) sebagai Ketua Menteri pada Mac 1994 dan kemudian digantikan oleh Datuk Salleh Tun Said pada Disember tahun yang sama apabila Sakaran dilantik menjadi Yang Dipertua Negeri.

Salleh kemudian digantikan oleh Datuk Yong Teck Lee pada Mei 1996 bagi mewakili masyarakat Cina dan kemudian digantikan oleh Tan Sri Bernard Dompok yang mewakili kaum Bumiputera bukan Islam pada 28 Mei tahun lepas.

Selepas pilihan raya negeri pada 12 dan 13 Mac lepas, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Datuk Osu Sukam yang mewakili Bumiputera Islam pula dilantik menjadi Ketua Menteri yang baru selepas Dompok gagal mempertahankan kerusinya di Moyog.

-- BERNAMA

NT PR